

# PM: Bina masyarakat mampu hidup bersama

UM 7 4 NOV 2002

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat agar mengekalkan perpaduan dan terus membina masyarakat yang mampu hidup bersama kerana ia adalah asas kepada kejayaan negara.

Perdana Menteri menegaskan bahawa kejayaan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara sehingga kini bukan sahaja perlu dikekalkan, malah wajar dipertingkatkan.

Menurut beliau, rakyat tidak boleh terlalu selesa dengan kejayaan negara, tetapi sebaliknya harus terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

"Malaysia perlu membina satu masyarakat yang mampu hidup bersama, bekerja dan bermain bersama kerana inilah yang menjadi asas kepada kejayaan kita," tegasnya dalam perutusan yang dikeluarkan di sini hari ini sempena sambutan Deepavali yang akan disambut oleh penganut beragama Hindu esok.

Dalam perutusannya itu juga, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa kelonggaran dalam perhubungan antara kaum khususnya di kalangan golongan muda masa kini adalah senario yang tidak sihat bagi masa depan negara.

Beliau menegaskan Malaysia tidak akan maju jika rakyat tidak bersatu padu dan bertelingkah antara satu sama lain selain cenderung bercampur dengan kaum masing-masing sahaja.

"Demi kepentingan negara, kerajaan akan mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pergaulan antara kaum, terutama sekali di kalangan golongan muda untuk meningkatkan keharmonian rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa kaum lain tidak perlu rasa terancam atau pun takut kehilangan identiti mereka walaupun Malaysia sebagai sebuah negara Is-

lam yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Menurut beliau, kaum-kaum lain tidak perlu merasakan diri mereka terancam kerana hak untuk mengamalkan agama dan budaya mereka dijamin oleh Perlembagaan.

"Sebenarnya jaminan ini seelok dengan ajaran Islam. Kaum minoriti di negara ini tidak perlu berasa terancam atau takut akan kehilangan identiti mereka," katanya lagi.

Dr. Mahathir menambah, walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada kaum-kaum yang berbeza, mengamalkan agama, bahasa dan budaya yang berlainan, semangat perpaduan dan kerjasama yang diamalkan telah membawa bangsa dan negara ke arah keamanan dan kesejahteraan.

Kata beliau, perbezaan antara kaum menjadikan masyarakat negara ini kaya dengan budaya.

"Perbezaan ini juga menjadi faktor penyatu yang dikagumi oleh masyarakat luar negara," tegasnya.

Sementara itu, beliau berharap rakyat memperkuat azam untuk meningkatkan usaha mencapai keharmonian dan perpaduan antara kaum sempena sambutan Deepavali.

Menurut Perdana Menteri, rakyat harus mengekalkan tradisi dan budaya sebagai rakyat Malaysia dengan mengadakan rumah-rumah terbuka bagi mengeratkan lagi hubungan sesama rakyat.

"Kita telah berusaha gigih sepanjang negara kita merdeka dan telah melihat hasil kejayaan membangunkan negara dan memakmurkan rakyat secara adil dan saksama.

"Marilah kita mengambil iktibar dan menghargai nikmat kehidupan kita sebagai rakyat Malaysia yang bertuah," kata Perdana Menteri.